

Headline	Dr Muhd Noor dilantik Presiden Persatuan Sainstis Penyelidik 2020-2022		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	29 Sep 2020	Color	Black/white
Section	General News	Circulation	11,223
Page No	4	Readership	33,669
Language	Malay	ArticleSize	85 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 173
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 519



Dr Muhd Noor dilantik Presiden Persatuan Sainstis Penyelidik 2020-2022

BANGI: Bekas Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan, Agensi Nuklear Malaysia, Dr Muhd Noor Muhd Yunus dipilih sebagai Presiden Persatuan Sainstis Penyelidik (MARS) bagi sesi 2020 hingga 2022.

Pemilihan Muhd Noor bagi menggantikan Dr Wan Manshol Wan Zin dibuat dalam mesyuarat agung tahunan MARS pada Jumaat lepas, kata MARS dalam satu kenyataan semalam.

MARS merupakan persatuan yang dianggotai pegawai penyelidik dan saintis dari pelbagai institusi penyelidikan di Malaysia seperti Agensi Nuklear Malaysia, SIRIM Bhd, Institut

Penyelidikan Perubatan (IMR), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) dan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM).

MARS sinonim dengan penganjuran Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) yang diadakan setiap tahun, serta membawa inovasi Malaysia untuk bertanding di luar negara antaranya Korea Selatan, Geneva dan China.

— Bernama